

PROJEK 2020 MELEWATI DIMENSI EKONOMI

U.I. 25 JUN 1991

WAWASAN Perdana Menteri, (Dato' Sri Dr. Mahathir tentang masa depan negara ini yang dipaparkannya dalam kertas kerja *Malaysia: Melangkah Ke Hadapan* nyatalah bukan wawasan ekonomi semata-mata. Namun demikian, kerana kertas kerja itu telah dibentangkan kepada satu himpunan para pemimpin korporat yang menganggotai Majlis Perdagangan Malaysia, maka sebahagian besar daripada perbincangan kertas kerja itu tertumpu kepada bidang tersebut.

Hal ini memang disedari sendiri oleh Dato' Sri Dr. Mahathir. Beliau dengan jelasnya menyatakan bahawa "wawasan tentang pembangunan menyeluruh ke arah masyarakat maju yang kita hasratkan... ndaklah harus bermakna kemajuan kebendaan dan ekonomi semata-mata. Sekali-kali tidak. Pembangunan ekonomi tidaklah harus dijadikan matlamat tunggal lagi mutlak cita-cita kebangsaan kita."

Oleh yang demikian, tidaklah tepat andaian beberapa pihak (bukan dari bidang ekonomi) yang tidak merasa terpengaruh untuk membincangkan gagasan penting Perdana Menteri itu kerana menganggapnya sebagai wawasan ekonomi semata-mata. Mereka mengangap wawasan itu hanya wajar dibincangkan hanya oleh orang-orang ekonomi dan para ahli perdagangan sahaja.

Malah yang lebih serius lagi adalah anggapan bahawa kerangka pemikiran Perdana Menteri - dan dengan yang demikian ciri wawasan yang mendasari tanggapannya tentang masa depan negara ini - amat bersifat 'ekonomistik.'

Saya kira, barang siapa yang mengkaji kertas kerja tersebut dengan teliti sudah pasti akan mendapati bahawa andaian yang demikian tidaklah tepat. Malah pada satu bahagian lain kertas kerja itu, Dato' Sri Dr. Mahathir telah mengingatkan betapa berbahayanya pemikiran yang dicirikan oleh "rasa taksub akan pertumbuhan."

"Kita perlulah melindungi din daripada bahaya... terlalu asyik dengan peningkatan perangkaan pembangunan tanpa menghiraukan tanggungjawab terhadap kestabilan, mengawal inflasi, memastikan kesinambungan, memajukan mutu kehidupan dan taraf hidup dan pencapaian matlamat-matlamat sosial yang lainnya."

Dengan pernyataan-pernyataan yang sedemikian jelas, mengaokah terdapat andaian bahawa wawasan Dato' Sri Dr. Mahathir ini merupakan wawasan ekonomi semata-mata?

Pertamanya, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa persoalan-persoalan pembangunan ekonomi dan keadilan sosial yang berbentuk ekonomi mempunyai tempat yang penting dalam rangka keseluruhan wawasan tersebut. Dato' Sri Dr. Mahathir mengangap bidang-bidang tersebut sebagai "dua bidang pertumbuhan negara yang perlu berjalan seiring dalam masa beberapa tahun yang akan datang."

pengintegrasian kelompok etnik mereka ke dalam sebuah negara bangsa yang bakal dilahirkan itu.

Sebarang gagasan tentang pengintegrasian ke dalam satu keperibadian bangsa yang baru akan terus sahaja ditanggap sebagai semacam dominasi budaya. Sebagai reaksi, mereka melaksanakan beberapa langkah dan mengambil beberapa sikap yang dikatakan bertujuan untuk melindungi keperibadian tradisional kaumnya - yang juga tidak ditanggap dan dikenal dengan jelas - atau untuk kembali kepada aturan sosial yang terdapat dalam masyarakat majmuk zainan kolonial.

Segala kekeliruan budaya dan kekacauan intelektual ini telah menghalang tercetusnya pemikiran dan tergubalnya satu ideologi tentang pembentukan bangsa yang mantap di Malaysia. Malah tidak banyak para pemimpin politik dan pemimpin kebangsaan kita yang telah memperlihatkan kesanggupan untuk mencetuskan aliran pemikiran baru tentang persoalan ini.


Dilihat dari segi pencetusan gagasan pembentukan bangsa ini, saya kira kertas kerja Dato' Sri Dr. Mahathir ini merupakan satu sumbangan yang penting. Meskipun kertas kerja ini tidak menghuraikannya dengan panjang lebar, namun satu gagasan tentang pembentukan satu "bangsa Malaysia" telah dikemukakan dengan jelas sebagai cabaran pertama yang perlu kita hadapi.

Malah di bahagian lain kertas kerja ini telah ditekankannya bahawa "strategi yang pertama - yakni pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu-padu - akan merupakan cabaran yang paling utama dan yang paling asasi." Saya sendiri mengangap pernyataan cita-cita pembentukan bangsa Malaysia ini sebagai satu contoh pernyataan dimensi bukan ekonomi yang amat penting dalam kertas kerja itu.

Malah saya cenderung untuk menanggapnya sebagai satu cetusan ideologi "nasionalisme Malaysia," yakni satu ideologi yang berkemungkinan mempertingkatkan ideologi nasionalisme Melayu ke tahapnya yang lebih tinggi dan lebih wajar bagi realiti negara kita hari ini dan tahun 2020 nanti.

Gagasan itu dapatlah ditanggap sebagai nasionalisme yang berkemungkinan memberikan peranan takrifan terhadap golongan bumiputera di samping memberikan peranan peserta yang sepenuhnya terhadap kelompok-kelompok bukan bumiputera dalam satu proses kreatif membentuk konsep bangsa Malaysia.

Ideologi yang demikian tidaklah sama dengan ideologi "Malaysian Malaysia." Manakala nasionalisme Malaysia merupakan ideologi pembentukan bangsa secara kreatif, proses pembentukan bangsa atas landasan-landasan sejarah yang tertentu, ideologi "Malaysian Malaysia" pula merupakan ideologi yang menyarankan agar kita kembali ke situasi masyarakat majmuk zaman kolonial - proses yang tentunya tidak sesuai dengan cita-cita



dengan aspek-aspek lain wawasan itu.

Namun demikian, jika kita berpegang kepada prinsip-prinsip negara dan masyarakat demokratis yang menyanjung penglibatan giat dan sepenuhnya warga negara (yakni prinsip *active citizenship*), maka kita sebenarnya tidaklah perlu menunggu sahaja dengan asif. Malah kita perlu berusaha mencetuskan dan melibatkan diri dalam memperkatakan wawasan masa depan yang telah dicetuskan itu.

Dalam mengkaji kertas kerja ini dengan lebih teliti, saya kira memang banyak bahagian dan kandungan pemikirannya yang tidak akan dipersetujui oleh semua orang. Malah mungkin pula

Keduanya, kertas kerja itu telah disediakan untuk dibincangkan dalam Majlis Perdagangan Malaysia. Oleh itu, memang sebahagian besar kertas kerja itu (saya menganggarkan kira-kira 75 peratus) tertumpu kepada persoalaan ekonomi. Meskipun sebab-sebab dilakukan penumpuan itu telah dijelaskan, namun sebahagian besar penanya yang tidak mengkaji kertas itu dengan lebih teliti akan menyangka bahawa wawasan tersebut sebagai wawasan yang semata-mata bersifat ekonomi.

Sehubungan dengan itu, mungkin ada baiknya jika diuraikan di sini pendekatan kertas kerja tersebut secara ringkas (menurut kefahaman dan tafsiran saya tentunya).

Kertas kerja ini dapatlah dikatakan bermula dengan pemaparan wawasan luas penulisnya tentang sifat dan ciri negara ini yang diimpikan bagi tahun 2020 nanti, iaitu dalam masa satu generasi dari sekarang. Cita-cita ini dapatlah disimpulkan sebagai: Terbentuknya sebuah negara bangsa Malaysia yang benar-benar moden dan maju, sebuah masyarakat industri yang adil, bermoral dan rasional, selain mempunyai keperibadiannya sendiri.

Untuk memungkinkan tercapainya cita-cita yang muluk dan wawasan yang unggul itu, maka perlulah negara ini menghadapi beberapa cabaran besar. Secara khususnya kertas kerja ini memaparkan "sembilan cabaran utama yang strategis" yang meliputi pelbagai aspek kehidupan sosial dan kehidupan bernegara.

Dengan latar belakang wawasan yang luas dan cabaran yang meliputi pelbagai bidang kehidupan itu, Dato' Sri Dr. Mahathir telah menghuraikan beberapa langkah jangka pendek dan jangka sederhana yang perlu direncanakan dan dilaksanakan. Dalam hal ini tumpuan yang lebih banyak diberikannya kepada dasar-dasar yang ada hubungannya dengan pembangunan ekonomi dan peranan negara ini dalam perdagangan antarabangsa (sesuai dengan sifat sidang kertas kerja itu dikemukakan).

Nyatalah bahawa pemikiran yang mendasari wawasan tersebut sebenarnya lebih luas dan lebih mendalam daripada dokumen itu sendiri. Untuk memperoleh pemaparan pemikiran itu sepenuhnya, maka perlulah kita menunggu huraian selanjutnya oleh Dato' Sri Dr. Mahathir di tempat-tempat lain, sehubungan

dapat diperlihatkan kontradiksi-kontradiksi dalam kerangka kertas kerja itu sendiri.

Namun semua kekurangan dan kelemahan ini (jika ada) tidaklah pula harus kita jadikan alasan untuk menafikan betapa pentingnya dokumen ini dari segi sejarah pertumbuhan dan pembangunan bangsa kita sejak tercapainya kemerdekaan.

Oleh sebab-sebab warisan sejarah kolonial yang telah mewariskan satu situasi sosial masyarakat majmuk yang amat rumit dan mudah meledak, maka hampir keseluruhan tenaga para pemimpin negara ini setelah kemerdekaan telah ditumpukan kepada pembangunan fizikal negara dan kepada usaha menguruskan ketegangan-ketegangan sosial masyarakat majmuk itu.

Tidak banyak tenaga intelek yang sempat dicurahkan terhadap upaya pembentukan bangsa secara yang lebih kreatif, yakni usaha mencetuskan dan merumuskan pemikiran tentang citra bangsa Malaysia yang kita hasratkan bagi generasi yang akan menjelang.

Perbincangan wawasan yang demikian itu telah kita elakkan kerana penghuraianya dirakam akan sukar dapat diterima, apa lagi difahami dengari mendalam, di kalangan anggota-anggota sebuah masyarakat yang telah terjebak pemikirannya oleh gagasan masyarakat majmuk.

Di satu pihak, golongan Melayu (dan bumiputera) masih belum dapat mentransformasi fahaman nasionalisme Melayunya menjadi nasionalisme Malaysia, belum dapat mengalihkan cara berfikirnya daripada ideologi mempertahankan hak kepada pemikiran menjadi pencetus dan pentakrif satu gagasan bangsa baru, yakni bangsa Malaysia, yang belum pernah wujud dalam sejarah.

Temyata bahawa sehingga kini pun kita belum memperlihatkan kemampuan memainkan peranan intelektual dan peranan sejarah yang kreatif seperti itu.

Di pihak yang lain pula, terdapat kegagalan di pihak golongan bukan bumiputera untuk melepaskan dirinya daripada tanggapan peranan sosialnya seperti yang terdapat dalam masyarakat majmuk zaman kolonial. Mereka belum memperlihatkan kesediaan untuk secara kreatif memikirkan tentang penglibatan dan

pembentukan satu bangsa yang padu.

Demikianlah sekadar satu contoh bagaimana salah satu gagasan bukan ekonomi yang terdapat dalam wawasan Dato' Sri Dr. Mahathir itu dapat kita tafsirkan, kita perluaskan dan kita perdebatkan dalam masyarakat kita demi mencapai satu jajak tentang arah pertumbuhan kita sebagai satu bangsa.

Sehubungan dengan persoalan pembentukan bangsa ini, misalnya, masih banyak lagi sudut-sudutnya yang dapat kita perbincangkan. Oleh kerana bangsa Malaysia itu ditanggap sebagai mempunyai keperibadiannya sendiri, maka perlulah beberapa persoalan "lama" tentang keperibadian bangsa itu - misalnya persoalan-persoalan kebudayaan kebangsaan, bahasa kebangsaan dan pendidikan kebangsaan - kita perbincangkan kembali dalam kerangka konsep yang baru ini.

Selain itu, beberapa hubungan (masalah kontradiksi, jika ada) antara gagasan ini dengan langkah-langkah lain yang diuraikan dalam kertas kerja ini sendiri dapat kita perdebatkan. Misalnya, perlulah kita mempersoalkan sejauh manakah sesuainya dasar pembangunan sumber tenaga manusia yang menekankan pendidikan vokasional bagi melahirkan golongan pekerja industri itu dengan upaya kita menggunakan sistem pendidikan itu sebagai alat untuk memupuk keperibadian bangsa yang hendak kita lahirkan.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa banyak lagi persoalan-persoalan bukan ekonomi yang penting telah dicetuskan dalam dokumen yang bersejarah ini. Kepada para anggota MPM itu, penulsi telah bersepuju agar mereka "membincangkan agenda ini, malah mengkritik dan memperbaikinya." Saya kira seruan ini wajar kita perluaskan kepada seluruh masyarakat kita.

Dalam sebuah masyarakat yang mendakwa bersifat demokratis, itulah sahaja cara yang pada kita untuk mendorong agar tercapainya satu jajak nasional yang amat diperlukan bagi proses pembentukan bangsa Malaysia yang tulen.

• *Rustam A. Sani adalah Fellow Kanan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.*

Rencana ini dipetik daripada NEGARAWAN keluaran terbaru yang diterbitkan oleh institut itu.